

27 DEC 2000

Mahathir-Raya

BERIBU-RIBU TETAMU KUNJUNG RUMAH TERBUKA HARI RAYA MAHATHIR

Oleh: Paramjit Kaur and Liew Sim Kien

PUTRAJAYA, 27 Dis (Bernama) -- Beribu-ribu rakyat daripada semua peringkat, tua dan muda, tempatan and warga asing, mengunjungi Seri Perdana hari ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah.

"Bilangan pengunjung lebih ramai daripada Raya tahun lalu," kata Dr Mahathir pada sidang media selepas sesi pertama rumah terbuka beliau yang berlangsung dari jam 9.30 pagi hingga 1 tengahari.

Ramai tetamu, tidak menghiraukan panas matahari, berjaya memasuki ruang makan Seri Perdana hanya untuk bersalam dengan Dr Mahathir dan isteri.

Dr Mahathir, berpakaian segak dengan baju Melayu berwarna ungu, dan Dr Siti Hasmah, yang kelihatan anggun dengan baju kurung berwarna hijau, bersalam dengan tetamu yang tidak putus-putus dari jam 9.30 pagi.

Tetamu-tetamu dengan berpakaian tradisional mereka yang berwarna-warni dengan jelas bersemangat untuk menemui Perdana Menteri dengan anggota keluarga masing-masing.

Yuzura Ide, seorang warganegara Jepun, membawa keluarganya ke Seri Perdana untuk kali kedua kerana beliau begitu kagum ketika melawat kediaman Perdana Menteri Hari Raya Januari tahun ini.

Yuzura, seorang guru bahasa Jepun di sebuah sekolah di Subang berkata rumah terbuka Dr Mahathir kali ini lebih teratur.

Mohamad Geffri, 52, seorang Australia yang telah memeluk Islam tiga setengah tahun yang lalu, berkata beliau datang untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Perdana Menteri selepas sembahyang di Masjid Negara pagi ini.

Kelihatan segak dengan baju Melayu berwarna ungu dan bersongkok, Mohamad Geffri berkata kekerapan kunjungan beliau ke Malaysia merupakan rangsangan untuk memeluk Islam.

"Saya berpendapat ini sahaja cara untuk mempelajari tentang Malaysia," kata Mohamad Geffri, seorang jurutera perunding.

Tetamu yang datang juga terdiri daripada yang kurang upaya seperti Kala Kuppan dari Shah Alam yang hanya mampu bergerak menggunakan kerusi roda. Beliau datang ke Seri Perdana dengan lima orang adik-beradiknya.

Kala, yang lumpuh dari kaki kebawah kerana satu kemalangan pada 1989, berkata beliau sangat gembira dapat berjumpa dengan Perdana Menteri dalam kunjungan pertamanya ke Putrajaya.

Empat puluh anak yatim dari Rumah Ozaman, Petaling Jaya juga tidak ketinggalan bersalam dengan Dr Mahathir.

Seorang warga tua Tan Siew Hwa, 82, yang dibawa oleh dua orang cucunya yang belasan umur, sanggup beratur selama tiga jam sebelum berjumpa dengan Perdana Menteri dan mengambil gambar kenangan dengan beliau.

Seramai 100 ahli Parti Progresif India (IPF) yang berpakaian serba merah juga datang mengunjungi Dr Mahathir untuk menunjukkan sokongan mereka kepada Perdana Menteri dan Barisan Nasional.

Presidennya Datuk M.G. Pandithan menghadiahkan Perdana Menteri dan isteri sebuah selendang sutera yang telah didatangkan dari India untuk menunjukkan rasa cinta IPF kepada Dr Mahathir.

Tetamu yang datang juga berpeluang merasakan teh-tarik atas kemurahan hati Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PPRMM).

Presidennya, Jamarul Khan Kadir berkata persatuan itu berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana membenarkan mereka membuat teh tarik di perkarangan Seri Perdana untuk hidangan tetamu yang datang.

Beliau berkata sebanyak 8,000 tin susu pekat, tajaan Etika Dairies Sdn Bhd, dan 80 kilo serbuk teh digunakan untuk membuat anggaran 60,000 cawan teh tarik.

Antara menteri-menteri yang mengunjungi Dr Mahathir ialah Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Kadir Sheikh Fadzil, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Hussein. Turut hadir ialah pengerusi Bernama Datuk Kadir Jasin.

Hishamuddin, yang diiringi oleh isterinya, jelas sekali yang paling popular diantara tetamu bila beliau dikerumuni oleh tetamu muda dan tua untuk berjabat tangan dan mengambil gambar.

Salah seorang dari mereka ialah Sarah Law Mei Mei, 24 yang berjaya mengambil gambar dengan Hishammuddin.

Beliau berkata Hishammuddin ialah menteri kesukaanya dan dia adalah seorang yang menjadi contoh terbaik kepada pemuda dan pemudi dinegara ini.

-- BERNAMA

PK MLS ES SR